

Notis Perlindungan Data Peribadi Pekerja

CHUBB®

Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”), kami (Chubb Insurance Malaysia Berhad) telah diminta untuk memberitahu anda bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami dalam borang ini atau yang selepasnya kami perolehi dari semasa ke semasa, termasuk data peribadi sensitif seperti butir-butir tentang kesihatan atau keadaan anda, kesalahan-kesalahan yang disabitkan, dan kepercayaan agama, sekiranya ada (“**Data Peribadi**”), mungkin diproses untuk tujuan berkomunikasi dengan anda, menentukan kesesuaian anda, dan sekiranya anda dipilih maka untuk mengurus dan memproses insurans perubatan anda dan manfaat-manfaat pekerjaan yang lain, memproses gaji dan pembayaran yang lain, memantau dan menilai prestasi, melaksanakan analisis-analisis data, menjalankan laporan serantau, melaksanakan tugas-tugas pentadbiran, dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengan tujuan pekerjaan (secara bersama, “**Tujuan**”). Data Peribadi tersebut adalah diperoleh apabila anda mengisi dokumen-dokumen; berhubung dengan kami, doktor yang kami lantik, atau wakil-wakil kami yang lain; atau ia diberikan kepada kami atau wakil kami secara peribadi, melalui telefon, atau melalui laman-laman web. Kami juga akan mengumpul Data Peribadi daripada pihak ketiga seperti majikan-majikan anda sebelum ini, referi-referi, sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan, persatuan-persatuan, doktor-doktor, pembekal-pembekal perkhidmatan, agensi-agensi pengambilan pekerja, atau sumber-sumber maklumat yang umum.

Sila yakinlah bahawa kami menghormati privasi kakitangan kami dan penggunaan data peribadi mereka. Kami akan berurus dengan data peribadi anda dengan mematuhi keperluan-keperluan PDPA.

Walaupun anda tidak diwajibkan untuk memberi kami Data Peribadi anda, kami tidak dapat menimbang permohonan anda dan menjalankan Tujuan yang dinyatakan di sini jika anda tidak memberikan semua maklumat yang diminta.

Data Peribadi anda mungkin didedahkan kepada pihak-pihak ketiga untuk atau berkaitan dengan Tujuan tersebut atau untuk melaksanakan fungsi undang-undang atau pengawalan tertentu, termasuklah pihak-pihak ketiga yang kami lantik untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu bagi pihak kami. Pihak-pihak ketiga ini termasuk pentadbir-pentadbir pihak ketiga, pembekal-pembekal penyimpanan atau perkhidmatan hos, penasihat-penasihat profesional termasuk doktor-doktor dan pembekal-pembekal perkhidmatan perubatan yang lain, dan syarikat-syarikat lain di dalam Kumpulan Chubb. Dalam keadaan sedemikian, ia akan dilakukan mengikut PDPA.

Kami juga mungkin mendedahkan Data Peribadi anda apabila pendedahan sedemikian diperlukan di bawah undang-undang, atas arahan-arahan makhamah atau menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia atau pihak berkuasa lain, jika kami percaya bahawa kami mempunyai hak di bawah undang-undang untuk mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga atau mungkin akan mendapatkan persetujuan bagi pendedahan tersebut jika anda mengetahui tentangnya, dan/atau jika pendedahan adalah berdasarkan kepentingan umum.

Harap maklum bahawa Data Peribadi anda juga boleh dipindahkan kepada syarikat-syarikat berkaitan kami dan pembekal-pembekal pihak ketiga yang mungkin terletak di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut. Sekiranya kami menggunakan penyedia perkhidmatan luar, langkah keselamatan dan

kerahsiaan tertentu diambil untuk memastikan hak kerahsiaan anda tidak terjejas.

Anda boleh membuat pertanyaan, aduan atau permintaan untuk mendapatkan atau membetulkan Data Peribadi anda atau mengehadkan pemprosesan Data Peribadi pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut menerusi Pengurus Jabatan Sumber Manusia (Tel: 03-2058 3060).

Apabila anda memberikan kepada kami data peribadi individu lain (“**Subjek Data**”), anda mestilah memastikan bahawa anda telah memaklumkan kepada Subjek Data bahawa anda akan memberikan data peribadi Subjek Data kepada kami, dan telah mendapat persetujuan Subjek Data untuk berbuat sedemikian. Anda hendaklah menjelaskan apa yang telah dinyatakan di sini kepada Subjek Data, dan memastikannya memahami, bersetuju dan membenarkan anda untuk berurusan dengan data peribadinya mengikut apa yang dinyatakan di sini.

Dengan menghantar permohonan anda kepada kami atau terus berurusan dengan kami, anda memahami, membenarkan dan bersetuju dengan terma-terma di atas berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi anda.